

Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Tioman

jejas ekosistem taman laut

Cadangan itu muncul pada 2018 dan mendapat kelulusan kerajaan negeri dan Majlis Perancang Fizikal Negara pada 2020.

Lapangan terbang meliputi kawasan seluas 142.7 hektar dalam sempadan taman laut diwartakan.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, mengakui kepentingan Pulau Tioman sebagai tapak marin dan mahu meneliti Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) sebelum mengulas.

Sebenarnya, laporan EIA mendedahkan pembinaannya membabitkan penebusan 76 peratus tanah daripada kawasan perlindungan marin (MPA), mengakibatkan kemusnahan kebanyakan terumbu karang sangat berharga sedangkan ia habitat penting bagi banyak spesies laut dan menyumbang secara signifikan kepada biodiversiti.

Oleh Mogesh Sababathy
bhrencana@bh.com.my

Pulau yang diwartakan sebagai taman laut mempunyai hutan hujan masih asli, sekali gus habitat pelbagai spesies hidupan liar dengan sekurang-kurangnya 61 peratus daripada pulau itu ditetapkan sebagai rizab hidupan liar.

Bagaimanapun, cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Tioman menimbulkan kebimbangan kesan kepada keseimbangan alam yang kompleks dan mempesonakan, bahkan berisiko menyebabkan kemerosotan kualiti hidup komuniti tempatan.



Aktivis Belia
Alam Sekitar dan
Pengasas Bersama
Project Ocean Hope

Tapak lapangan terbang yang dicadangkan juga menceroboh kawasan terkenal dengan kemunculan jerung terumbu blacktip dan penyu sisik yang sedang diancam kepupusan.

Media baru-baru ini mendaharkan laporan EIA turut mencadangkan pelaksanaan pelan pemuliharaan dan pemuliharaan marin membabitkan penempatan semula serta pembiakan karang ke empat tapak ditetapkan serta dua ladang karang sebelum pembinaan bermula.

Memindahkan batu karang dari habitat semula jadi ke tapak baharu boleh memberi kesan buruk kepada kelangsungan hidup serta ekosistem disokong. Batu karang dipindahkan sering sukar menyeseuaikan keadaan baharu hingga membawa kadar kematian tinggi.

Interaksi kompleks antara karang, organisme marin dengan persekitaran sekeliling tidak boleh dibuat replikasi dalam tetapan buatan. Gangguan disebabkan penempatan semula boleh menjelaskan

keseimbangan ekosistem, sekali gus menjelaskan ekologi jangka panjang.

Diakui memilih persekitaran berbanding keuntungan kewangan mungkin berlawanan dengan kehendak dipacu keuntungan, tetapi mengabalkan alam akan menyebabkan kos meluas.

Hakikatnya, cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Tioman adalah tumparan hebat kepada sumber asli dan komuniti tempatan. Kegagalan memahami kepentingan kawasan perlindungan ini dan keengganan mengutamakan pemeliharaan alam sekitar adalah mendukacitakan.

Kita menggesa kerajaan menimbang semula rancangan itu dan menuntut akauntabiliti pihak bertanggungjawab untuk mengutamakan pemeliharaan anugerah alam semula jadi berbanding keuntungan ekonomi jangka pendek.

Semua individu prihatin digesa berkongsi ketidakpuasan hati terhadap projek ini dengan memberikan ulasan terhadap laporan EIA projek berkenaan di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) dibuka untuk ulasan umum hingga 4 Ogos ini.

